



Edisi 20 September 2025



**UiTM PEMACU
TRANSFORMASI**

**PENGHARGAAN
BUAT ALUMNI**

**IMPIAN MURNI
PEREKA FESYEN**

GRADUAN PERLADANGAN DI ERA TEKNOLOGI MODEN



oleh : Amni Harith Badrul Hisyam

Perkembangan semasa dunia hari ini yang bergerak pantas seiring dengan perubahan Teknologi mendatangkan kesan terhadap pelbagai bidang dan sektor ekonomi. Antara sektor yang terkesan dengan perkembangan tersebut termasuklah sektor pertanian dan perladangan namun ia lebih kepada kesan positif di samping ia Masih mampu mengekalkan kebolehpasaran graduan dalam bidang ini.

Hakikat ini diakui dua graduan dan alumni Fakulti Perladangan dan Agroteknologi Universiti Teknologi MARA (UiTM), Izwan Azri Rasli dan Aieman Tariq Irwan yang hari ini menamatkan pengajian Sarjana Muda Sains Teknologi dan Pengurusan Perladangan di Istiadat Konvokesyen UiTM ke-102.

Bagi Izwan Azri, pengalaman selama 17 tahun di dalam industri membuktikan bahawa kebolehpasaran kerjaya di dalam bidang ini adalah sangat cerah.

Ini kerana industri ini sendiri sememangnya diberi sokongan dan tumpuan yang serius oleh kerajaan sendiri dalam usaha menaikkan lagi industri perladangan di dalam negara.

Beliau turut berkata revolusi industri perladangan masa kini yang lebih terarah kepada penggunaan teknologi canggih seperti dron dan Internet of Things (IoT) merupakan antara faktor yang meningkatkan produktiviti industri ini sendiri dan bersetuju bahawa graduan yang menguasai perkara ini akan punyai peluang besar di bidang ini.

Aieman Tariq juga menyuarakan pandangan optimis dengan kenyataan tersebut dan menyatakan peluang pekerjaan di dalam bidang ini cukup meluas, contohnya jika dilihat dari hasil tanaman seperti nenas, kelapa sawit, kopi dan lain-lain.

Menurutnya juga, faktor perkembangan pesat syarikat dalam bidang agroteknologi turut memainkan peranan yang besar dalam meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan.

Aieman turut berpendapat, pengaruh sosial media masa kini turut boleh memainkan peranan secara efektif dalam menarik minat generasi muda kini untuk lebih mendalami industri perladangan ini bagi memecah stigma masyarakat menganggap industri ini masih di tampuk lama.





SIDANG REDAKSI JAWATANKUASA WARTA KONVO 102

Penasihat
Prof. Dr Ismie Roha Mohamed Jais,
Penolong Naib Canselor Komunikasi Strategik

Penasihat Editorial
En Abuzar Abdul Halim,
Ketua unit Perhubungan Awam dan Media

Ketua Editor
En Ahmad Faisal Mohamed Fiah,
Timbalan Dekan (HEP) Fakulti Komunikasi
dan Pengajian Media

Ketua Wartawan
Zaidatul Insyirah binti Suhaini

Wartawan
Aidil Adha bin Abdullah
Amni Harith bin Badrul Hisyam

Pereka Grafik
Muhammad Sahil bin Sulaiman
Ezureen Natasya binti Kahar Jaafar

Fotografi
Pejabat Komunikasi Strategik

Unit Perhubungan Awam dan Media
Pejabat Komunikasi Strategik

*Hak cipta terpelihara. Diterbitkan oleh
Pejabat Komunikasi Strategik UiTM
Dan Fakulti Komunikasi Dan Pengajian
Media UiTM*